



KEMENTERIAN
WILAYAH
PERSEKUTUAN

TEKS UCAPAN

**YBHG. DR ZAITUN ABU BAKAR,
ISTERI YB MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

SEMPENA

**PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

**TADIKA ISLAM MAIWP PRESINT 18,
WP PUTRAJAYA**

**26 FEBRUARI 2019 (SELASA)
11.00 PAGI**

Salutasi (Akan diselaraskan pada hari program)

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Dan Salam Sejahtera

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah izinNya dapat kita semua berkumpul di Tadika Islam MAIWP Presint 18 pada hari ini bagi menjayakan Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) bersama-sama anak-anak pelajar yang saya kasihi sekalian. Sesungguhnya peluang untuk saya bertemu dan bersama dengan anak-anak sekolah ini sungguh bermakna walaupun dalam tempoh yang singkat.

Hadirin dan Anak-Anak Yang Saya Kasihi Sekalian;

2. Alhamdulillah saya amat gembira melihat perkembangan pendidikan awal kanak-kanak di negara ini khususnya anak-anak lingkungan usia 5 dan 6 tahun. Di mana kebanyakan aktiviti pembelajaran yang diguna pakai dilihat mampu merangsang minda anak-anak yang merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani dan sosial.

3. Namun, pihak Kerajaan sedar bahawa terdapat sebilangan masyarakat yang kurang berkemampuan untuk membayar yuran serta menyediakan kemudahan kepada anak-anak untuk ke sekolah. Ini ditambah pula dengan peningkatan kos sara hidup sejak akhir- akhir ini. Namun, hal ini tidak boleh dijadikan alasan untuk mengabaikan pendidikan anak-anak kita.

4. Pihak Kerajaan juga sentiasa prihatin dan mengambil berat nasib yang dialami oleh keluarga yang kurang berkemampuan khususnya anak-anak yatim, orang kurang upaya, ibu tunggal dan semua golongan yang berkeperluan termasuk golongan B40 dalam mendapatkan pendidikan yang berkualiti.

5. Ini kerana pendidikan adalah tiket penting dalam mengubah kehidupan. Pendidikan dan pembelajaran yang berterusan di setiap peringkat termasuk

pendidikan awal kanak-kanak hingga ke peringkat universiti dapat membuka peluang pekerjaan yang lebih baik seterusnya menjamin kehidupan yang cerah pada masa hadapan.

6. Oleh itu, ibu bapa dan penjaga perlu memainkan peranan masing-masing. Kebijaksanaan ibu bapa dalam menyusun dan merancang masa depan anak-anak agar ianya lebih sesuai dengan perubahan masa dan mampu mengurangkan kegagalan. Perhatikan kepada manusia yang cemerlang dalam hidupnya. Mereka tidak pernah memperkatakan tentang kegagalan bahkan mereka sentiasa merancang kegiatan yang dapat mendorong ke arah mencapai cita-cita mereka.

7. Ingatlah bahawa Allah SWT tidak merubah nasib sesuatu kaum selagi kaum itu tidak melakukan perubahan pada diri sendiri. Ini adalah undang-undang dan sunnah yang telah ditetapkan oleh Allah SWT sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-Ra'd ayat 11.

Yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila dikehendaki oleh Allah keburukan kepada sesuatu kaum, maka tidak ada yang dapat menolak, dan tidak ada pelindung bagi mereka selain daripada-Nya." (Surah Ar-Rad, ayat 11).

Hadirin dan Anak-Anak Yang Saya Kasihi Sekalian;

8. Saya difahamkan, Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan di Putrajaya, akan melibatkan penyerahan bantuan keseluruhan berjumlah RM40,000.00 kepada Tadika Islam MAIWP Presint 18 ini. Pertama, bantuan sebahagian yuran pengajian kepada 13 orang pelajar yang terpilih dari kalangan keluarga yang kurang berkemampuan, anak yatim, orang kurang upaya serta dari kalangan kumpulan B40 yang telah disahkan oleh pihak MAIWP dan Perbadanan Putrajaya.

9. Dari jumlah keseluruhan tersebut, sebanyak RM24,450.00 telah diperuntukan kepada pihak pengurusan tadika sebagai dana *food bank* dalam

menyediakan makanan dan minuman tambahan yang berkhasiat kepada 297 orang pelajar sepanjang sesi persekolahan tahun 2019.

10. Bagi memastikan inisiatif *food bank* ini dapat dilaksanakan secara berterusan, pihak pentadbir sekolah boleh menjana pendapatan tambahan kepada tabung ini melalui penjualan barang kitar semula seperti kotak, kertas, tin dan plastik kepada pihak Alam Flora. Sebagai contoh saya dimaklumkan para pelajar di semua 16 lot di sekolah ini akan diberi minuman susu kotak pada setiap pagi. Kotak-kotak minuman ini boleh dibersihkan, dikumpul dan dijual terus bagi memberikan nilai ekonomi tambahan kepada *food bank* sekolah ini kelak.

11. Secara tidak langsung, anak-anak ini akan terdidik dan menjadikan amalan dalam membudayakan konsep 3R iaitu kurangkan, guna semula dan kitar semula dari usia yang kecil hingga dewasa kelak. Ini juga dapat memupuk kesedaran bahawa bukan semua bahan buangan atau sampah perlu dilupus malah ia boleh menjana hasil pendapatan tambahan.

12. Pada masa yang sama, saya mohon kepada pihak Alam Flora agar dapat memberi perkongsian serta pembelajaran secara percuma kepada anak-anak khususnya di Wilayah Persekutuan bagi memupuk budaya kitar semula dan sayangkan alam sekitar.

13. Semoga usaha Kementerian Wilayah Persekutuan, Perbadanan Putrajaya, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Alam Flora dan Puspanita ini sedikit sebanyak dapat meringankan beban ibu bapa dan pihak sekolah.

14. Sekalung penghargaan kepada semua tenaga pengajar khususnya guru-guru Tadika Islam MAIWP Presint 18 yang sentiasa bekerja keras dan tidak pernah rasa jemu demi menyediakan dan menyampaikan pembelajaran yang berkualiti kepada anak-anak ini. Semoga anak-anak ini suatu hari nanti mampu menjadi insan yang cemerlang dan berakhhlak mulia.

Akhir kata, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu'alaikum W.B.T.